

# Program ISFP tarik pelajar asing di UMS

UM 04.01.2012 27

KOTA KINABALU 3 Jan. - Program Asas Pelajar Antarabangsa (ISFP) yang ditawarkan oleh Pusat Pembangunan Profesional UMS Link (UCPD) mendapat sambutan menggalakkan daripada kalaangan penuntut luar negara di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Program itu dirangka khusus untuk penuntut antarabangsa yang akan melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dan sarjana di institut pengajian tinggi awam (IPTA) itu.

Pengarah Eksekutif UMS Link, Prof. Dr. Roselina Ahmad Shaufi berkata, setakat ini 136 penuntut antarabangsa iaitu 134 dari China dan masing-masing seorang dari Turki dan Korea Selatan telah mendaftar bagi mengikuti program itu di UMS tahun ini.

Katanya, pendaftaran penuntut tersebut adalah untuk kemasukan program persediaan bagi pengajian peringkat ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah (Ph.D).

"Sepanjang enam bulan pengajian dalam program asas, para pelajar disiapkan dengan kemahiran bahasa Inggeris dan pengajian Malaysia yang melibatkan bahasa Melayu, sejarah dan budaya Malaysia serta tamadun Melayu."

"Program persediaan amat penting bagi melengkapkan penuntut dengan asas bahasa Inggeris yang kukuh, kemahiran bahasa Melayu

yang mencukupi dan pengetahuan pengajian Malaysia yang meluas," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

UCPD merupakan pusat pendidikan dan latihan yang ditubuhkan untuk mengendalikan program latihan dan pembangunan kepada badan-badan kerajaan, sektor swasta dan individu berminal.

Setakat ini, UCPD menawarkan pelbagai program latihan dan pembangunan melibatkan program ISFP, diploma penuh, diploma eksekutif, sijil-sijil profesional, latihan atau kursus jangka pendek, program kerjasama diploma dan kursus bahasa antarabangsa.

Roselina berkata, dalam mengendalikan proses kemasukan program ISFP, pihak pengurusan UCPD serta Bahagian Hal Ehwal Pelajar Antarabangsa UMS mengadakan sesi pemilihan calon di negara-negara yang menawarkan penghantaran pelajar dalam bilangan yang ramai.

Beliau memberitahu, antara rangkaian jaringan yang dipelopori dengan meluas oleh UCPD adalah China, Indonesia, Korea, Taiwan dan negara Asia Barat.

"Maklum balas oleh para pelajar dari negara-negara tersebut menyatakan, mereka memilih program persediaan di UMS Link atas beberapa sebab. Pertama kemahiran bahasa Inggeris yang mereka peroleh boleh



BORIS JIN GE



STEVEN WANG QIN



ANGELA LI JIAYI



SEBAHAGIAN para penuntut mendaftar untuk menyertai ISFP di UMS, Kota Kinabalu, baru-baru ini.

digunakan untuk kemasukan ke universiti-universiti yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di luar negara.

"Kedua, kerana mereka mendapat maklumat bahawa universiti ini mempunyai kemudahan akademik yang terbaik di samping memiliki taraf pengiktirafan kelayakan oleh banyak negara," ujarnya.

Beberapa penuntut yang ditemui ketika sesi pendaftaran baru-baru ini memberikan reaksi positif mengenai program ISFP.

**Boris Jin Ge**, 42, berkata, di samping menawarkan pengajian yang ber-

sifat antarabangsa, UCPD menawarkan potensi yang luas bagi hubungan dagang di antara Malaysia dan China.

"Saya berharap dapat meneroka usaha sama perniagaan dengan syarikat-syarikat di Malaysia apabila selesai pengajian nanti," kata Boris yang memiliki firma kewangan di negaranya.

Rakan senegaranya, **Steven Wang Qin**, 30, berkata, panorama semula jadi yang dimiliki oleh Sabah di samping kewujudan sektor pelancongan yang sedang berkembang pesat merupakan faktor utama dia memilih UMS.

"Saya telah melalui pengalaman 10 tahun bekerja di Singapura dalam sektor yang sama dan setelah membuat analisis mengenai negeri-negeri di Malaysia, justeru saya memilih Sabah," katanya.

**Angela Li Jiayi**, 18, pula berkata, dia bertuah memilih UMS sebagai tempat membuat persediaan bagi program pengajian ijazah pertama.

Katanya, dia tidak berasa asing tinggal dan belajar di Sabah kerana ramai penuntut di pusat pengajian itu boleh berbahasa Mandarin dan Inggeris sekali gus memudahkannya untuk berkomunikasi.